**Kemaskini : 14 Disember 2023 – 2.30 pm**

## STATUS TINDAKAN SUSULAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-57

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | **57.2** | **Perkara – Perkara Berbangkit** | | |
| **1.** | **57.2 (e)** | Minit 56.7.1 (e) – mesyuarat mencadangkan supaya risiko di peringkat PTJ turut diambil perhatian oleh peneraju proses bagi memastikan tindakan kawalan risiko bagi isu-isu yang terkait dengan peneraju dapat dilaksana secara lebih menyeluruh. | **TWP PP yang berkenaan** | **1) TWP PP SPS**<br>Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) Skop Pengajian Siswazah kali ke-9 pada 23 Oktober 2023 telah membincangkan dan mengambil perhatian mengenai risiko berkaitan pengajian siswazah.<br><br>**2) TWP PP PNC**<br>Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) PNC kali ke-8 pada 12 September 2023 telah membincangkan dan mengambil perhatian mengenai risiko bagi PTJ / Entiti PNC. |
| **2.** | **57.2 (f)** | Minit 56.10.1 – mesyuarat meminta satu perbincangan lanjut dibuat bersama peneraju proses utama Universiti bagi membangunkan Garis Panduan Berhubung Tatacara Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (IA) di peringkat Universiti antaranya Aplikasi ChatGPT untuk dijadikan rujukan sebagai satu mekanisma pemantauan dan kawalan penyalahgunaan Teknologi AI dalam kalangan warga UPM. | **TWP iDEC & TWP ISMS** | Melalui mesyuarat pengurusan iDEC pada 25 Julai 2023, iDEC telah menyediakan satu kertas ringkas berkaitan ChatGPT yang akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran UPM. Namun, mesyuarat masih belum dijadualkan sehingga kini.<br><br>Walau bagaimanapun, setelah semakan dibuat, CADe-Lead telah mengeluarkan satu garis panduan berkaitan iaitu *Guide for ChatGPT Usage in Teaching and Learning* *(https://cade.upm.edu.my/upload/dokumen/20* |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | *230202105701Guide_for_ChatGPT_Usage_in_Teaching_and_Learning.pdf)* pada Februari 2023. |
| | **57.3** | **Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)** | | |
| **3.** | **57.3 (d)** | Mesyuarat meminta peneraju proses yang berkenaan membuat semakan dan mengemaskini baki 115 dokumen ISO belum pinda tahun 2019 untuk dikuatkuasakan semasa siri kuatkuasa dokumen pada **26 September 2023.** | **TWP PP (PNC, PASP, SPS, P. Bursar, P. Pendaftar, PSAS, PKKSSAAS, PIU, FPV)** | **Rumusan Status oleh PKD UPM :**<br>Keseluruhan 243 dokumen belum pinda tahun 2019 telah berjaya dikemaskini oleh peneraju proses yang terlibat setakat kuatkuasa dokumen ISO pada 26 September 2023. **(Rujuk Laporan Agenda 4 – Laporan Dokumentasi).**<br><br>**Maklum balas TWP PP :**<br><br>**1) TWP PP SPS**<br>Semua dokumen ISO bagi skop pengajian siswazah telah dibuat semakan sepanjang tempoh 2020 hingga Q3 2023.<br><br>**2) TWP PP P.Pendaftar**<br>Sebanyak 45 dokumen ISO tahun 2019 telah selesai disemak dan dikemaskini mengikut siri kuatkuasa dokumen pada 31 Januari, 25 Julai dan 26 September 2023.<br><br>**3) TWP PP PNC**<br>Lima (5) dokumen tahun 2019 bagi skop operasi perkhidmatan sokongan (1 dokumen daripada PSPK dan 4 dokumen daripada Pejabat Pengurusan Keselamatan dan |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Kesihatan Pekerjaan (PPKKP)) telah dikemaskini dan dipinda pada tarikh kuatkuasa 26 September 2023.<br><br>**4) <u>TWP PP PSAS</u>**<br>Dua (2) dokumen ISO telah dikemaskini dan dua (2) dokumen ISO lagi digugurkan.<br><br>**5) <u>TWP PP P.Bursar</u>**<br>Semua dokumen ISO bagi tahun 2019 telah dipinda / kemas kini dan berkuatkuasa pada 26 September 2023<br><br>**6) <u>TWP PP PKKSSAAS</u>**<br>Semua dokumen ISO bagi tahun 2019 telah dipinda / kemas kini dan berkuatkuasa pada 26 September 2023. |
| | **57.4** | **Laporan Audit** | | |
| **4.** | **57.4 (c)** | Mesyuarat meminta PTJ yang belum melaksanakan penutupan **penemuan melebihi tempoh** supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan **NCR/OFI Audit Dalaman QMS dan ISMS 2022** dapat ditutup sepenuhnya. | **TWP PP & TWP PTJ (PNC, P. Bursar, PASP, CALC, iPUTRA, CADe-Lead, PPP, PUPM, FPV, FS, FBMK, FPP, FPSK, ION2, IPPH, ITAFOS, INTROP)** | **<u>Rumusan Status oleh PAD UPM :</u>**<br>Penemuan **Audit Dalaman 2022** yang yang **belum ditutup melebIhi tempoh** (sumber PortalCQA – 14 Disember 2023):<br><br>QMS: **CALC, FPV, PPP, FBMK, FPP, FPSK, iPUTRA, INTROP, IPPH, PPKKP, ITAFOS, PSPK**<br>ISMS: **CADe-Lead** |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>
<u>Maklum balas TWP PP & TWP PTJ :</u><br><br>
1) <u>TWP PP PNC</u><br>
Dua (2) PTJ belum tutup Audit Dalaman QMS 2022 dengan kenyataan tindakan adalah seperti berikut :<br><br>
<u>NCR:</u><br><br>
<table>
<tr><th>WAZAN-NCR-QMS-01 / 8.1 / WKF</th><th>Kenyataan Tindakan</th></tr>
<tr><td>Didapati tiada kaedah/tatacara garis panduan diwujudkan bagi pengurusan endowmen<br>Tarikh Cadangan Penutupan: 31 Disember 2023</td><td>1. Pembentangan garis panduan endowmen kepada Dato’ Naib Canselor telah dilaksanakan pada 28 November 2023.<br>2. Telah menghantar emel kepada PTJ berkaitan dan Bursar pada 1 Disember 2023 telah memohon mereka kongsikan TOR Tabung Amanah Endowmen dengan wang derma kepada UPM.</td></tr>
</table>
<br>
<u>OFI:</u><br><br>
<table>
<tr><th>AS-OFI-QMS-05 / 5.1 / PYG</th><th>Kenyataan Tindakan</th></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td>Dicadangkan penempatan lokasi Pejabat Pengarah diteliti semula agar berada di lokasi yang memudahkan proses pemantauan keseluruhan operasi Akademi Sukan di samping memudahkan proses komunikasi dengan semua staf dan pelanggan.Tarikh Cadangan Penutupan: 31 Disember 2023</td><td>Akademi Sukan telah meneliti semula ruang gimnasium di kompleks stadium untuk penempatan pengarah bagi memudahkan pemantauan keseluruhan operasi Akademi Sukan. Walaubagaimanapun di dapati ruang di kompleks sukan amat terhad dan PTJ juga mempunyai kekangan peruntukan untuk menyediakan ruang yang bersesuaian dengan gred pengarah. Gimnasium yang dicadangkan sedang digunakan oleh pelajar dan staf UPM.</td></tr>
</table>
2) <u>TWP IPPH</u><br>Penemuan NCR / OFI Audit Dalaman QMS 2022 bagi IPPH telah ditutup pada 29 Mei 2023.<br><br>3) <u>TWP PP i-PUTRA</u><br>Penemuan telah diambil tindakan oleh PTJ dan dalam tindakan Juruaudit.</td></tr>
</table>

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **4) <u>TWP PP P. BURSAR</u>**<br>Tindakan penutupan telah diambil oleh Pejabat Bursar dan telah memaklumkan Ketua Juruaudit pada tahun 2022 untuk tindakan.<br><br>**5) <u>TWP ITAFoS</u>**<br>Semua NCR dan OFI bagi Audit Dalaman QMS ITAFoS 2022 telah ditutup.<br><br>**6) <u>TWP FPP</u>**<br>FPP telah melaksanakan tindakan bagi tujuan penutupan OFI pada 23 November 2023 dengan melampirkan bukti dokumentasi Pesanan Belian (PO) berkaitan proses naik taraf makmal yang hampir selesai. Ianya bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selesa kepada pelajar selaras dengan Inisiatif Utama Objektif Strategik 3, Pelan Strategik FPP 2022-2025 iaitu "Meningkatkan Infrastruktur melalui penambahbaikan kemudahan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di FPP.<br><br>**7) <u>TWP PP CALC</u>**<br>PTJ telah memuatnaik dokumen sokongan dan sedang berurusan dengan KJAD bagi proses penutupan NCR / OFI kerana ada tindakan pembetulan yang tidak diterima oleh KJAD. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **57.5.1(b)** | | **Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2023** | | |
| **5.** | **57.5.1 (b)(iii)** | Mesyuarat meminta peneraju proses terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbahbaikan terhadap petunjuk prestasi PFA Januari hingga Jun 2023 yang tidak mencapai sasaran sebagaimana cadangan yang dikemukakan pada **Lampiran B.** | **TWP PP (PNC, Pej. TNC JINM, P. Bursar, P. Pendaftar, PKKSSAAS, iDEC, CALC)** | 8) **TWP PP P.Pendaftar**<br>Petunjuk prestasi PFA Januari hingga Jun 2023 yang tidak mencapai sasaran telah diambil tindakan kawalan ketakakuran / penambahbaikan bagi memastikan sasaran dapat dicapai pada penghujung tahun 2023.<br><br>9) **TWP PP PNC**<br>Peneraju proses iaitu Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) telah melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran bagi PFA Januari hingga Jun 2023 seperti berikut:<br><br>1. Memberi emel peringatan berkala setiap Isnin dan Jumaat kepada semua TPKP.<br>2. Mewujudkan saluran komunikasi yang lebih berkesan dan mesra pengguna bersama PKPU dan TPKP iaitu *Group Whatsapp*.<br>3. Mesyuarat Pengurusan Pelanggan UPM secara sukuan PKPU bersama TPKP.<br><br>10) **TWP PP iDEC**<br>Penstrukturan dan penyusunan semula proses dan staf yang terlibat telah dilaksanakan mulai 31 Julai 2023 bagi projek-projek berimpak tinggi iaitu:<br>a) Projek Transformasi Sistem Maklumat Pelajar. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | b) Projek Naiktaraf Putra Prestasi (juga melibatkan naiktaraf HIStaf, PRIMS dan ICRIS).<br>c) Projek Transformasi Aplikasi Sumber Manusia.<br>d) Projek Pembangunan Sistem Paygate UPM 2.0.<br><br>**11)<u>TWP PP P. BURSAR</u>**<br>Penilaian Pembekal:<br>Senarai Pembekal yang mendapat markah 60% dan ke bawah telah dimuat naik dalam laman sesawang Pejabat Bursar untuk rujukan semua PTJ UPM.<br><br>Pembekal yang mendapat markah bawah 60% dan ke bawah bagi tahun 2022 juga telah dihubungi dan dimaklumkan secara *online* pada 23 Februari 2023.<br><br>**12)<u>TWP PP Pej. TNC JINM</u>**<br>Pencapaian penuh untuk PFA di bawah tanggungjawab Pejabat TNC JINM hanya akan dapat dijana setelah verifikasi sukuan keempat selesai dilaksanakan sehingga 31 Disember 2023. Berdasarkan *trend*, kebiasaannya Ketua Projek akan melaporkan aktiviti JINM pada sukuan keempat (Q4). |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **13) <u>TWP PP PKKSSAAS</u>**<br>Pencapaian penuh untuk PFA di bawah tanggungjawab PKKSSAAS hanya akan dapat dijana setelah verifikasi sukuan keempat selesai dilaksanakan sehingga 31 Disember 2023. Berdasarkan *trend*, kebiasaannya PKKSSAAS dapat mencapai KPI yang disasarkan pada sukuan keempat (Q4).<br><br>**14) <u>TWP PP CALC</u>**<br>Petunjuk Prestasi PFA yang tidak mencapai sasaran telah dilakukan tindakan kawalan iaitu pelaksanaan bengkel / *post-mortem* bagi melihat kelemahan, kekuatan dan idea untuk penambahbaikan perkhidmatan penyuntingan dan penterjemahan yang ditawarkan supaya perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang untuk memenuhi sasaran yang ditetapkan. |
| **57.6.1** | | **Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS** | | |
| **6.** | **57.6.1 (c)** | Mesyuarat mengambil perhatian sehingga 26 Jun 2023, seramai 42 responden terlibat bagi pihak berkepentingan berkaitan Penyelidikan dan Inovasi dengan 39% responden bersetuju mengatakan bahawa sistem PRIMS di Pusat Pengurusan Penyelidikan adalah tidak stabil. | **TWP<br>P. TNCPI** | Pihak RMC menghargai kerjasama dan kesabaran dari semua pengguna sistem PRIMS. Terima kasih atas maklum balas mengenai masalah yang dihadapi supaya pihak RMC dapat bertindak pantas dan meningkatkan kepuasan pengguna.<br><br>Pihak RMC dengan kerjasama pihak iDEC dalam usaha meningkatkan kestabilan sistem melalui pemantauan berterusan, identifikasi |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | masalah, dan pelaksanaan penambahbaikan dengan segera. Pihak iDEC khususnya akan memastikan pengurangan masalah teknikal dan *downtime error* sistem terutamanya pada penggunaan waktu puncak.<br><br>Tindakan untuk jangka panjang, RMC sedang menilai peningkatan infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong kestabilan sistem dengan mengambil maklum isu tersebut boleh memberi kesan pada produktiviti dan operasi harian. Ini mungkin melibatkan pelaburan dalam peranti keras, perisian, atau peningkatan kapasiti pelayan serta sumber manusia yang terlibat. |
| **57.7.1** | | **Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)** | | |
| **7.** | **57.7.1 (b)** | Mesyuarat memohon PTJ melaksanakan strategi tindakan yang bersesuaian bagi mengawal tahap risiko sederhana dan tinggi berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih serta membuat pemantauan secara berterusan bagi tahap risiko rendah. | **Semua TWP PP & TWP PTJ** | **1) <u>TWP PP SPS</u>**<br>Agenda Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) / Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), iaitu termasuklah pengurusan risiko turut dilapor dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan SPS.<br><br>**2) <u>TWP INSPEM</u>**<br>Pemantauan secara berterusan dibuat terhadap semua isu dalaman dan luaran. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **3) <u>TWP CQA</u>**<br>Pemantauan strategi tindakan dan kawalan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTJ (CQA).<br><br>**4) <u>TWP PKU</u>**<br>Penilaian risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dipantau dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pelaksanaan Pengurusan Risiko Operasi Tahunan PKU dan seterusnya dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keberkesanan Semakan Proses PKU dan Mesyuarat Pengurusan PKU.<br><br>**5) <u>TWP PP PEJ. TNC HEPA</u>**<br>Memantau pelaksanaan kawalan /strategi tindakan yang telah dirancang melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTJ/HEPA secara berkala.<br><br>**6) <u>TWP I-AQUAS</u>**<br>Laporan Pengurusan Risiko PTJ merupakan laporan tetap di bawah agenda Jaminan Kualiti, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan i-AQUAS bagi memantau tindakan yang dilaksanakan untuk setiap risiko yang didaftarkan. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **7) <u>TWP FSTM</u>**<br>PTJ mengambil perhatian dan tindakan dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan pada ruangan strategi tindakan.<br><br>**8) <u>TWP PP iDEC</u>**<br>Pengurusan risiko QMS dipantau setiap tahap risiko dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko iDEC dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan iDEC. |
| | **57.8** | **Laporan Latihan Universiti** | | |
| **8.** | **57.8 (e)** | Mesyuarat meminta supaya semua PTJ mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan pencapaian latihan staf mencapai 100% pada sukuan keempat tahun 2023. | **Semua TWP PP & TWP PTJ** | Status Pencapaian Latihan Staf UPM Tahun 2023 yang terkini sebagaimana akan dilaporkan pada **Agenda 9 – Laporan Latihan Universiti** oleh PLS, UPM.<br><br>**1) <u>TWP PP SPS</u>**<br>SPS telah mencapai 100% latihan staf.<br><br>**2) <u>TWP CQA</u>**<br>Semua staf CQA telah mencapai 100% latihan bagi tahun 2023.<br>**3) <u>TWP INSPEM</u>**<br>INSPEM telah mencapai 100% latihan staf.<br><br>**4) <u>TWP PKU</u>**<br>PKU telah mencapai 100% latihan staf. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 5) **<u>TWP PP PEJ. TNC HEPA</u>**<br>Status pencapaian entiti HEPA setakat 5 Disember 2023 ialah 97.67%. Dalam memastikan pencapaian staf entiti HEPA tahun 2023 mencapai 100 peratus latihan (18 mata cpd/ 3 hari latihan), dua (2) TPLS entiti HEPA sedang mengambil tindakan selanjutnya bagi memastikan kesemua entiti HEPA mencapai latihan 100% menjelang akhir bulan Disember 2023.<br><br>6) **<u>TWP i-AQUAS</u>**<br>Peratus kehadiran latihan staf i-AQUAS setakat 6 Disember 2023 adalah 90.48%. Hanya dua (2) orang staf yang belum memenuhi jam latihan dan dalam proses melengkapkan jam latihan. Peringatan secara berkala melalui e-mel, verbal dan medium *Whatsapp* telah dilaksanakan.<br><br>7) **<u>TWP FSTM</u>**<br>Data setakat 6/12/23 :-<br>- Staf Akademik = 97.83% (telah mencapai sasaran 95%)<br>- Staf bukan Akademik = 98.59% (dijangka mencapai sasaran 100% selepas latihan anjuran fakulti dilaksana pada 8/12/23) |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **8) <u>TWP PP PNC</u>**<br>PTJ/Entiti PNC telah mencapai 100% latihan staf pada sukuan keempat tahun 2023.<br><br>**9) <u>TWP PP iDEC</u>**<br>Setakat akhir November 2023 iDEC telah mencapai 100% kehadiran latihan 3 hari dan ke atas. Pemantauan kehadiran latihan dibuat di peringkat Jawatankuasa Latihan iDEC dan Jawatankuasa Pengurusan iDEC.<br><br>**10)<u>TWP FPP</u>**<br>FPP telah mencapai 100% latihan staf pada sukuan keempat tahun 2023. |
| | **56.9** | **Laporan Pengurusan Rekod Universiti** | | |
| **9.** | **57.9 (c)** | Mesyuarat mengambil perhatian mengenai kelulusan JPU berkaitan pengambilalihan Ruang Keselamatan Zon Akademik A berhampiran FEM (kini dijadikan Ruang Penyimpanan Fail di bawah Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik) untuk dijadikan Pusat Registri Universiti di bawah tadbir urus Pejabat Pendaftar. | **TWP P. Pendaftar & TWP BAKD** | Merujuk kepada :<br>PETIKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JPU) KE-897 [51/2023] PADA 2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)<br>[Sebagaimana disahkan pada 23 November 2023]<br><br>**Minit 897.06 (e)(1): Cadangan Kolabrasi SPE UPM dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi Menempatkan Pusat Kewangan Mikro Setempat (Mini Micro Finance Centre) di UPM.**<br><br>(f) YBhg. Dato' Naib Canselor bersetuju meluluskan cadangan SPE berkenaan dengan |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | kolaborasi bersama pihak AIM bagi penempatan Pusat Kewangan Mikro setempat (Mini-Micro Finance Centre) di Ruang Keselamatan Zon Akademik A, berhampiran FEM;<br>(g) YBhg. Dato’ Naib Canselor **bersetuju agar PPPA mengenalpasti segera lokasi baru** yang strategik untuk dijadikan **Pusat Registri Universiti** di bawah **tadbir urus Pejabat Pendaftar.** |